

**KONSEP KEADILAN SOSIAL DALAM ISLAM DAN
PELAKSANAANNYA PADA ZAMAN RASULULLAH SAW DAN
KHULAFAT AR-RASYIDIN**

Marina bt Abu Bakar¹

¹Pensyarah Kuliyah Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Insaniah, 09300,
Kuala Ketil, Baling, Kedah Darul Aman, marinaabubakar@insaniah.edu.my

Pendahuluan

Agama Islam merupakan sebuah agama yang adil, yang bukan sahaja menekankan kepada pelaksanaan keadilan tetapi turut menuntut umatnya supaya berlaku adil (Ahmad Sarji Abdul Hamid, 2007: 24). Panduannya bersesuaian pada setiap masa dan tempat. Islam jika dihayati sepenuhnya akan membolehkan manusia mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Pencapaian ini akan menjadi kenyataan apabila pendekatan Islam dilaksanakan secara syumul dan sempurna dalam sesebuah negara (Nik Mustapha Nik Hassan, 2007: 1).

Keadilan merupakan salah satu daripada tiga asas pandangan hidup (*world view*) Islam. Dua asas lagi ialah *Tawhid* dan *Khilafah*. *Tawhid* atau keesaan kepada Allah SWT bukan sahaja asas utama bagi agama Islam, bahkan menggambarkan perhubungan antara manusia dan Penciptanya, manusia dengan manusia lain dan manusia dengan persekitarannya. *Khilafah* pula menentukan peranan yang patut dimainkan oleh manusia di atas muka bumi ini. Peranan ini termasuk cara manusia menggunakan segala sumber yang dipegang sebagai amanah untuk faedah dirinya, tanggungannya dan masyarakat sejagat serta generasi akan datang. Oleh kerana Islam merangkumi semua aspek hidup, keadilan seharusnya mencakupi bidang ekonomi, sosial, politik, budaya dan lain-lain (Syed Othman Al-Habshi, 2007: 37).

Oleh yang demikian, kertas kerja yang bertajuk “Konsep Keadilan Sosial dalam Islam dan Pelaksanaannya pada Zaman Rasulullah SAW dan *Khulafah al-Rashidin* ini akan cuba mengupas mengenai konsep keadilan sosial menurut Islam berserta contoh pelaksanaannya pada kedua-dua zaman tersebut.

Definisi Keadilan Sosial

Dalam bahasa Arab, adil adalah berasal daripada perkataan '*adala*. Dari sudut bahasa Kamus Oxford memberikan pengertian adil sebagai menyamakan (Kamus Oxford, 2005: 23). Ibn Manzur pula dalam *Lisan Al-Arab* memberi pengertian perkataan adil sebagai sesuatu yang sudah mantap dalam fikiran sebagai sesuatu yang lurus, sementara lawan kepada adil adalah zalim (Ibn Manzur, t.th.: 67). Adil bermaksud persamaan antara dua perkara atau antara dua pihak yang bertelingkah tanpa berpihak kepada mana-mana, membuat keputusan dengan tidak cenderung kepada satu pihak sahaja dan bertindak dengan pertimbangan yang wajar dan saksama (Abdul Hadi Awang, 2009: 1).

Dari sudut istilah syarak pula, adil ialah bertindak dan membuat pertimbangan dengan istiqamah, betul dan tepat mengikut pertimbangan Al-Qur'an dan ijtihad (Abdul Hadi Awang, 2009:2). Islam menentukan bahawa keadilan itu adalah meletakkan sesuatu itu pada tempatnya. Perkataan 'sesuatu' di sini begitu luas dan sudah tentulah merangkumi segala-galanya seperti harta, kuasa, tanggungjawab, barang dan sebagainya. Harta seharusnya diserahkan sama ada kepada yang empunya atau pun kepada orang atau kumpulan yang berhak menjaganya. Oleh itu, setiap orang akan mendapat sejumlah harta mengikut jumlah

yang dia berhak ke atasnya. Begitulah seterusnya dengan kuasa, tanggungjawab, kerja dan sebagainya (Abdullah Muhammad Zin, 2007: 39).

Abdul Hadi Awang dalam menghuraikan maksud keadilan turut menegaskan bahawa yang dimaksudkan dengan meletakkan sesuatu itu kena pada tempatnya perlulah mengikut hitungan sebenarnya sebagaimana yang ditentukan oleh Allah SWT. Menurut pakar ilmu fiqh, tujuan Islam menegakkan keadilan mutlak di kalangan seluruh manusia adalah dengan menegakkan persaudaraan di kalangan mereka, memelihara agama, nyawa, akal, maruah, keturunan dan harta benda dengan bermatlamatkan dunia dan akhirat (Abdul Hadi Awang, 2009 : 28).

Kefahaman tentang adil sebagai kesamaan yang digunakan bagi menyamakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Pengertian ini boleh dinyatakan sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Kuantitatif merujuk kepada prinsip persamaan yang abstrak, iaitu kesamaan di sisi undang-undang atau mendapat hak yang sama. Manakala kualitatif pula menekankan prinsip keadilan beragihan yang lebih tepat dinyatakan dalam istilah *nasib* dan *qist* (keadilan), *qistas* dan *mizan* (skala) dan *taqwim* (kelurusan) (Majid Khadduri, 1994: 8).

Merujuk kepada keadilan sosial pula, Plato berpandangan bahawa ia bermaksud memberikan setiap individu apa yang sepatutnya mengikut kemampuannya dan sumbangan-nya kepada masyarakat. Dalam konteks sumbangannya kepada masyarakat, ia merujuk kepada prestasi kerjaya yang jujur mengikut jenis dan taraf jawatan yang disandang olehnya. Plato telah memperkatakan tentang keadilan sosial berdasarkan perkhidmatan dan fungsi yang dilaksanakan oleh seseorang individu kepada negara. Mengikut Plato juga, perkataan sosial itu ada kaitan dengan masyarakat setelah diinstitusikan menjadi negara. Oleh itu, sesuatu perkara yang dilakukan untuk negara haruslah diterima oleh masyarakat sebagai baik dan adil. Maka apabila berlakunya sedemikian, perkara itu dianggap baik dan adil. Sebaliknya, sesuatu perkara itu adalah tidak baik dan zalim jika masyarakat atau negara menganggapnya sebagai tidak baik dan zalim. Dalam erti kata yang lain, setiap perkara itu diukur oleh system nilai masyarakat itu sendiri (Syed Othman Al-Habshi, 2007: 38-39).

Keadilan sosial adalah berkait rapat dengan masyarakat. Jika keadilan bermaksud mengembalikan sesuatu kepada yang berhak, maka keadilan sosial sudah tentulah berkait dengan hak masyarakat. Apa yang menjadi hak masyarakat haruslah dikembalikan kepada masyarakat dan apa yang bukan pula dikembalikan kepada yang berhak ke atasnya (Syed Othman Al-Habshi, 2007 :40). Keadilan sosial bukanlah bererti membasmi kemiskinan sehingga ke akar umbinya sehingga ia tidak wujud lagi dalam masyarakat. Perkara ini bercanggah dengan sunnah alam kerana kemiskinan dan kekayaan adalah dua hakikat yang wujud di alam ini. Ia tidak boleh dihapus dan dibasmi, kerana ia berjalan seiring dalam mana-mana masyarakat.

Keadilan sosial berfungsi untuk menghapuskan jurang yang ketara dalam masyarakat. Antara faktor penting yang telah dianjurkan oleh Islam bagi mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat ialah saling bekerjasama antara anggota masyarakat. Kasih sayang, bantu-membantu dan silaturrahim adalah asas penting dalam keadilan sosial. Menurut Abdullah Muhammad Zin, keadilan sosial dapatlah ditakrifkan sebagai kerjasama untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu secara organik, sehingga setiap anggota masyarakat mempunyai kesempatan dan peluang yang sama untuk berkembang sesuai dengan kemampuan masing-masing (Abdullah Muhammad Zin, 2007: 18-21).

Konsep Keadilan Sosial Dalam Islam

Keadilan adalah tiang kepada masyarakat dan negara. Oleh sebab itu, Islam memberikan perhatian yang serius tentang keadilan yang meliputi keadilan sejagat dan keadilan mutlak. Ia bukan setakat mengawal keadilan bagi kaum Muslimin sahaja, bahkan kepada seluruh umat manusia hingga sampai kepada musuh dalam peperangan.

Syariat Islam menerangkan hak-hak perseorangan dan hak-hak kemasyarakatan dan menguatkuasakan keadilan dengan pelbagai cara melalui segala ciri hukumannya. Dengan demikian, setiap orang akan aman pada keselamatan diri, jiwa, harta benda, kehormatan dan segala hak-hak yang halal (Haron Din, 2007: 7).

Al-Qur'an dan hadith-hadith juga banyak menyuruh umat Islam agar melaksanakan dan mengawal keadilan. Di samping itu, ayat-ayat dan hadith-hadith banyak pula yang mengutuk kezaliman dan penindasan sesama manusia dan lainnya. Orang yang memerhati Al-Qur'an dapat melihat ayat-ayat berkenaan keadilan diulangkan sebanyak 20 kali. Manakala ayat-ayat yang mengutuk dan membenci kezaliman pula disebut sebanyak 299 kali. Perkataan mencero boh disebut sebanyak 8 kali, manakala perkataan menodai pula sebanyak 20 kali. Beberapa contoh suruhan Allah agar melaksanakan keadilan dapat dilihat menerusi ayat-ayat berikut. Firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.”¹

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan

¹Al-Qur'an, Surah An-Nahl: ayat 90.

apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”¹

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutarbalikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”²

Daripada contoh-contoh di atas dapatlah difahami bahawa betapa pentingnya konsep dan keperluan adil sesama manusia. Kekacauan dan huru-hara yang berlaku dalam dunia pada amnya adalah disebabkan oleh ketidakadilan sesetengah pihak. Apabila prinsip adil tidak lagi menjadi tunjang utama dalam pelaksanaan undang-undang, negara akan menjadi kacau bilau (Haron Din, 2007: 9).

Islam memandang semua manusia itu adalah sama rata dan tiada bezanya. Perbezaan manusia dengan manusia yang lain secara hakikinya adalah ditentukan berdasarkan tahap ketaqwaannya kepada Allah SWT Firman Allah SAW:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”³

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu

¹Al-Qur'an, Surah An-Nisa': ayat 58.

²Al-Qur'an, Surah An-Nisa': ayat 135.

³Al-Qur'an, Surah Al-Hujurat: ayat 13.

terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”¹

Ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa prinsip yang mesti (wajib) diikuti oleh manusia sama ada individu atau masyarakat ialah dengan kesedaran yang sempurna dalam segala hal atau keadaan. Ia dilihat sebagai suatu kesalahan besar jika kita berlaku adil dan saksama dalam setiap tindakan dan keputusan tetapi hanya kepada rakan dan sahabat, malah mengeneipkan apabila diperlukan daripada kalangan musuh (Harussani Zakaria, 2010 :224).

Adil dalam segala keadaan amat penting untuk menjamin keutuhan negara. Sikap pilih kasih, diskriminasi, kronisme, nepotisme amat merbahaya pada masa depan negara dan perlu dibendung dari akar umbinya (Harussani Zakaria, 2010: 200).

Konsep keadilan dalam Islam tidak banyak bezanya dengan konsep keadilan universal. Sekiranya penindasan dan ketidakadilan dianggap tidak adil dalam undang-undang universal, begitu juga lah dengan Islam. Apabila ada di kalangan Muslim yang zalim atau tidak adil, maknanya kesalahan tidak lagi pada Islam dan ajarannya tetapi pada individu yang bertindak itu (Haron Din, 2007: 17). Masyarakat Islam harus tunduk kepada kehendak syariah dari segi apa yang patut dan tidak, apa yang perlu atau tidak dan sebagainya. Semuanya ditentukan dengan jelas oleh syariah. Sehingga perhubungan antara individu dalam masyarakat itu juga ditentukan oleh syariah.

Maka keadilan sosial dalam Islam sudah tentulah merangkumi hak individu, hak masyarakat, hak negara dan sebagainya. Oleh kerana institusi masyarakat dianggap lebih penting daripada individu, maka dalam keadaan konflik antara hak individu dan masyarakat, hak masyarakat lebih dahulu perlu diutamakan, tanpa merugikan individu tersebut. Misalnya, jika seorang individu memiliki tanah yang luas yang diperlukan oleh masyarakat untuk dibina jalan raya, maka kerajaan boleh mengambil tanah tersebut dengan membelinya dengan harga yang berpatutan. Oleh itu, hak individu telah digantikan dengan adil, iaitu bukan secara merampas atau dibayar dengan harga yang terlalu murah (Syed Othman Al-Habshi, 2007: 40).

Syed Qutb menulis dalam bukunya *Al- 'Adalah al- Ijtima' iyyah fi al-Islam* berkata (Abdullah Muhammad Zin, 2007 : 16) :

¹Al-Qur'an, Surah Al-Maidah : ayat 8.

“Kita tidak akan dapat memahami pengertian keadilan sosial dalam Islam secara tepat kecuali apabila kita memahami tasawwur Islam tentang ketuhanan, alam sejawat, kehidupan dan manusia. Kerana keadilan sosial adalah satu cabang yang kecil daripada empat komponen tersebut”

Pelaksanaan Keadilan Sosial pada Zaman Rasulullah SAW

Rasulullah SAW telah memperkuat konsep keadilan ketika baginda menolak dengan keras usaha untuk mendapatkan syafaatnya melalui beberapa orang sahabat yang meminta baginda memaafkan sahaja kesalahan mencuri yang dilakukan oleh seorang perempuan daripada kabilah Bani Makhzum, hanya kerana kedudukannya dalam kabilah tersebut. Rasulullah SAW menegaskan bahawa dengan membezakan pelaksanaan hukum kepada rakyat atau masyarakat akan membawa bencana dan padah kepada sesebuah masyarakat dan negara. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya dibinasakan orang yang sebelum kamu disebabkan apabila golongan bangsawan mencuri, mereka tidak dijatuhkan hukuman, dan apabila golongan bawahan mencuri lalu dikenakan balasan. Demi Allah, sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya aku potong tangannya.” - (Riwayat Muslim)

Melalui hadith ini, Rasulullah SAW telah meletakkan asas yang kuat bagi dasar persamaan dari segi undang-undang orang perantara tidak dapat diterima untuk mendapat pengecualian pelaksanaan undang-undang tersebut (Abdullah Muhammad Zin, 2007: 24).

Imam Al-Bukhari telah meriwayatkan sebuah hadith dari Anas bin Malik r.a, katanya:

“Abu Talhah adalah seorang Ansar yang paling banyak kebun kurma di Madinah. Kebun kurma yang paling disayanginya ialah di Yarha’ iaitu terletak di hadapan dan bersebelahan dengan Masjid Nabawi.”

Rasulullah SAW pernah dibawa oleh Talhah ke kebun ini untuk minum air yang bersih. Setelah itu, turunlah ayat yang bermaksud:

“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebaikan (yang sempurna) sehingga kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai”¹

Setelah turunnya ayat tersebut, Abu Talhah berkata kepada Rasulullah SAW (Abdullah Muhammad Zin, 2007: 25):

¹Al-Qur’an, Surah Ali ‘Imran: ayat 92.

“Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya hartaku yang paling aku sayang ialah di Yarha’. Oleh itu aku jadikan sedekah untuk jalan Allah SWT dan aku mengharapkan kebaikan dan ganjaran daripadanya. Aku mengharapkan supaya Rasulullah SAW memberi kepada sesiapa yang difikirkan sesuai.” Setelah mendengar kata-kata Abu Talhah, Rasulullah SAW pun bersabda: *“Harta itu adalah harta yang besar pahalanya (diulang sebanyak 2 kali). Aku mendengar apa yang kamu ucapkan, aku berpendapat adalah lebih baik kamu berikan kepada keluarga kamu”*. Abu Talhah menjawab: *“Aku akan lakukannya wahai Rasulullah SAW.”* Lalu ia membahagikannya kepada kaum keluarga dan sepupu-sepupunya.

Rasulullah SAW juga pernah difitnah oleh seorang munafik dan Yahudi. Dalam kes ini, baginda sendiri telah diadili seperti rakyat biasa untuk menunjukkan bahawa tidak ada seorang pun yang boleh terlepas dari keadilan (Syed Othman Al-Habshi, 2007: 41). Dalam sirah juga tercatat sebuah kisah yang diriwayatkan oleh Al-Tabrani dari Abdullah bin Salam r.a yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Rasulullah SAW telah berhutang atau meminjam buah kurma sebanyak 70 *misqal* dengan seorang pendeta Yahudi, Zaid bin Sana’ah yang merupakan saudagar terkaya di kalangan bangsa Yahudi pada masa tersebut. Beberapa hari sebelum tibanya hari pembayaran hutang, pendeta Yahudi tersebut pergi menemui Rasulullah SAW dan telah menuduh dan mencela Baginda sebagai orang yang melengah-lengahkan pembayaran hutang. Sayyidina Umar Al-Khattab yang turut bersama Rasulullah SAW pada ketika itu memarahi kembali pendeta tersebut tetapi dihalang oleh Rasulullah SAW. Baginda bersabda, “Hai Umar, antara aku dan dia ada urusan hutang-piutang, yang kami perlukan agar engkau menyuruh aku membayar itu sebaik-baiknya, dan menganjurkan kepadanya untuk berlaku sopan menagih piutangnya. Hai Umar, pergilah bersama dia (ke tempat penyimpanan kurma), bayarlah hutang itu kepadanya dan tambahlah 20 *sa’* timbangan sebagai hadiah untuk menghilangkan amarahnya (Rafis Sabirin, 2008: 23).

Pelaksanaan Keadilan Sosial pada Zaman *Khulafa’ Ar-Rashidin*

Rasulullah SAW telah meletakkan asas yang kukuh bagaimana keadilan sosial dapat dilaksanakan dalam masyarakat Islam. Berikut adalah sifat-sifat terpuji yang telah dilakukan oleh *khulafa’ al-rashidin* bagi menjamin keadilan sosial dapat dilaksanakan.

Para pengkaji sejarah Islam menganggap Sayyidina Umar Al-Khattab sebagai pemimpin yang sangat mengambil berat dengan keadilan sosial. Apabila disoroti peribadi beliau, didapati bahawa beliau sentiasa membuat rondaan pada waktu malam dan siang. Beliau melakukan rondaan secara bersendirian dan ada kalanya ditemani sahabatnya. Beliau pergi ke segenap pelusuk Madinah dan di luar Madinah untuk mengetahui sendiri keadaan keselamatan dan keperluan rakyat jelata (Hepi Andi Bastoni, 2008: 41).

Banyak sekali dicatatkan dalam buku-buku sejarah Islam berkaitan peristiwa-peristiwa yang menarik, yang telah dilakukan oleh Sayyidina Umar Al-Khattab, di antaranya (Hepi Andi Bastoni, 2008: 42-43):

- i. Dalam satu rondaan, beliau berjumpa dengan seorang perempuan miskin yang dikelilingi oleh ramai anak kecil, yang mana ke semuanya menangis kelaparan. Lalu, beliau balik ke Baitulmal dan memikul sendiri gandum dan minyak untuk diberi kepada keluarga miskin tadi.
- ii. Dalam satu rondaannya yang lain, beliau mendengar jeritan seorang perempuan yang hendak melahirkan anak. Lalu, beliau balik ke rumahnya dan membawa isterinya sebagai bidan. Sayyidina Umar pula duduk bersama suami perempuan tersebut sehingga anaknya selamat dilahirkan.
- iii. Dalam rondaannya juga, Sayyidina Umar pernah menangkap peminum arak dan kaki judi. Beliau pernah memberi amaran kepada penjual-penjual susu supaya mereka jangan mencampuri susu dengan air untuk tujuan menipu pembeli.
- iv. Sayyidina Umar telah berjaya melicinkan pentadbiran negara dengan menubuhkan jabatan-jabatan tertentu bagi menjamin keadilan dan kebajikan sosial. Institusi *al-hisbah* telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan berfungsi untuk menguatkuasa dan memantau adab-adab masyarakat umum. Pemantauan telah dilakukan di pasar-pasar. Namun demikian, pada zaman pemerintahan Sayyidina Umar, institusi ini telah diperbaiki dari segi pelaksanaannya.

Diriwayatkan bahawa Sayyidina Umar telah pergi sendiri ke pasar-pasar dan memantau timbangan, sukatan dan mengajak orang ramai supaya berkakhlak mulia. Diriwayatkan juga bahawa Sayyidina Umar pernah memukul seorang pemilik unta kerana memuatkan barang-barang yang sangat berat di belakang untanya. Kisah ini membuktikan bahawa Sayyidina Umar tetap menitikberatkan keadilan dan berbuat ihsan meskipun terhadap haiwan (Abdullah Muhammad Zin, 2007: 27).

Sayyidina Umar juga pernah dituduh melakukan sesuatu kesalahan oleh seorang Yahudi. Semasa masuk ke mahkamah, seorang Qadhi yang dilantik oleh Sayyidina Umar berdiri untuk menghormati Umar. Akan tetapi, Sayyidina Umar menganggap perbuatan itu sebagai suatu kesalahan yang amat besar lalu memecat Qadhi tersebut serta-merta. Selain itu, Sayyidina Umar juga telah menghukum anaknya sendiri dengan menyebatnya sebanyak 80 kali sebatan atas kesalahan meminum arak (Syed Othman Al-Habshi, 2007: 41-42). Dalam kes yang lain pula, Sayyidina Umar telah membebaskan seorang lelaki miskin yang telah ditangkap kerana mencuri makanan semasa kemelesetan ekonomi melanda negara pada waktu itu (Abdul Hadi Awang, 2009: 55).

Terdapat juga kisah-kisah lain yang menunjukkan terlaksananya keadilan sosial dalam sejarah Islam. Antaranya kisah yang berlaku di antara Khalifah Umar Al-Khattab dengan seorang Arab Badwi. Beliau telah bertelingkah dengan seorang Arab Badwi selepas membeli seekor kuda darinya. Beliau menyedari kuda itu cacat sewaktu menunggangnya dan ingin membatalkan pembelian. Sayyidina Umar telah memulangkan kuda itu kepada tuannya dan meminta kembali harga yang dibayar, tetapi orang Arab Badwi tersebut menolak. Sayyidina Umar tidak memaksanya tetapi menyelesaikan perkara ini di hadapan Hakim Syuraih yang dilantikinya. Oleh kerana kecacatan berlaku di luar tempoh membatalkan jualan, Hakim Syuraih memutuskan jualan itu tidak boleh dibatalkan (Abdul Hadi Awang, 2009: 60).

Dari sudut yang lain pula, ada diriwayatkan bahawa anak Gabenor Mesir pada zaman Umar Al-Khattab iaitu anak kepada Amru bin Al-‘As telah memukul seorang hamba yang telah menang dalam satu perlumbaan, lalu hamba tersebut mengadu kepada Khalifah Umar di Madinah. Umar telah menulis surat kepada Amru bin Al-‘As, anaknya serta hamba itu supaya datang ke Madinah. Umar berkata kepada hamba itu: “Adakah orang ini yang memukul kamu?” Hamba itu menjawab: “Ya.” Khalifah Umar berkata: “Pukullah orang itu.” Lalu hamba itu memukul anak Amru bin Al-‘As tadi. Kemudian Umar berkata kepada Amru bin Al-‘As (Said Hawwa, 2003 : 429-430):

*“Sejak bilakah kamu (wahai Amru) menghambakan manusia?
Sesungguhnya mereka semuanya dilahirkan oleh ibu-ibu mereka
dalam keadaan merdeka”*

Sayyidina Abu Bakar Al-Siddiq ketika memeluk Islam pernah memiliki sebanyak 40,000 dirham hasil dari keuntungan perniagaannya. Setelah memeluk Islam, beliau terus mendapat keuntungan dalam perniagaannya, tetapi apabila beliau hendak berhijrah ke Madinah bersama Rasulullah SAW, simpanannya hanya tinggal 5,000 dirham sahaja. Wang simpanannya telah digunakan untuk menebus hamba-hamba yang memeluk Islam dan diseksa oleh tuan-tuan mereka. Wangnya turut digunakan untuk membiayai orang miskin dan orang kurang upaya (Abdullah Muhammad Zin, 2007: 28).

Telah tercatat dalam sejarah, bahawa ‘Uthman bin ‘Affan telah bersedekah kepada orang ramai di zaman kemelesetan ekonomi dengan satu *kafilah* yang sangat besar yang terdiri daripada 1000 ekor unta penuh dengan muatan seperti gandum, minyak dan kismis kepada orang miskin di Madinah pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq. Para saudagar di Madinah telah menawarkan keuntungan lima kali ganda kepada ‘Uthman, tetapi beliau menjawab: “Saya akan beri kepada mereka yang sanggup menawarkan harga yang lebih tinggi, kerana tidak terdapat di kalangan kami orang yang sanggup berbuat demikian, dan kami sahaja lah saudagar-saudagar yang ada di Madinah.” ‘Uthman terus berkata kepada mereka: “Sesungguhnya Allah SWT sudah pasti akan memberiku sepuluh kali ganda.” Seterusnya, ‘Uthman telah membahagikannya kepada orang-orang miskin pada masa itu (Abdullah Muhammad Zin, 2007: 29).

Menurut suatu peristiwa, baju perang kepunyaan Khalifah Ali didapati telah hilang, tiba-tiba dijumpai berada di tangan seorang Yahudi kafir yang paling memusuhi umat Islam. Khalifah Ali tidak merampasnya secara paksa, tetapi dibawa ke mahkamah. Apabila Khalifah Ali tidak dapat mengemukakan saksi, hakim tidak membenarkan baju perang itu dirampas, sebaliknya diserahkan kepada orang Yahudi tersebut. Setelah keluar daripada mahkamah, lelaki Yahudi menghadap Khalifah Ali. Dia mengaku baju perang itu sebenarnya kepunyaan Khalifah Ali, lalu menyerahkan baju perang itu kepada Ali dan berikrar masuk Islam kerana melihat keadilannya (Abdul Hadi Awang, 2009: 60).

Sebenarnya terdapat banyak contoh-contoh dan kisah-kisah yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan khulafa' al-rasyidin yang menunjukkan pelaksanaan konsep keadilan seperti mana yang diajar dalam Islam. Jika diamati, contoh-contoh yang dikemukakan, meskipun sedikit, tetapi sudah cukup untuk membuktikan terlaksananya prinsip keadilan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat.

Kesimpulan

Sesungguhnya, adil merupakan salah satu daripada sifat Allah SWT. Tujuan Allah SWT mengutuskan para Rasul-Nya dan menurunkan kitab-kitab-Nya bukanlah untuk membebankan manusia dengan pelbagai syariat, tetapi bertujuan menegakkan keadilan dan kebenaran. Dalam suatu dokumen manusia, iblis mencatatkan sepuluh nama orang yang dianggap sebagai kawan karibnya. Antaranya ialah hakim yang tidak berlaku adil. Lima belas nama yang dianggap sebagai musuh ketatnya pula, tersenarai di dalamnya ketua negara atau pemimpin yang adil.

Pelaksanaan prinsip atau konsep keadilan dalam Islam yang telah terlaksana pada zaman Rasulullah SAW dan *khulafa' al-rasyidin* adalah antara contoh-contoh praktikal yang menjadi *'ibrah* atau pengajaran untuk panduan umat sepanjang zaman. Konsep keadilan seperti mana yang digariskan oleh Islam pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat bukanlah retorik semata-mata kerana telah terbukti terlaksananya dan bersifat relevan dan ideal untuk dipraktikkan pada zaman ini.

Bibliografi

Al-Qur'an al-Karim.

Abdul Hadi Awang. 2009. *Bagaimana Islam Memerintah Negara*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Abdul Hadi Awang. 2009. *Islam Adil Untuk Semua*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Abdullah Muhammad Zin. 2007. Keadilan sosial pada zaman Rasulullah dan Khulafa' al-Rasyidin. dalam: Khairul Azhar Idris (pnyt.) *Keadilan Sosial Dari Perspektif Islam*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

Ahmad Sarji Abdul Hamid. Keadilan sosial di Malaysiadalam: Khairul Azhar Idris (pnyt.) *Keadilan Sosial Dari Perspektif Islam*, Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

H.A Fuad Said. 2002. *Ketatanegaraan Menurut Syari'at Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haron Din. 2007. *Islam: Keadilan Membebaskan Manusia*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.

Harussani Zakaria. 2010. *Indahnya Islam Mengatur Kita*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.

Hepi Andi Bastoni. 2008. *Belajar Dari Dua Umar: Kenyangkan Perut Rakyat*. Selangor: Ankabari Publika Sdn. Bhd.

Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammand. t.th. *Lisan Al-Arab*, Kaherah: Dar al-Misriyyah.

Kamus Oxford. 2005. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Majid Khadduri. 1994. *The Islamic Conception of Justice*, terj. Norliza Tarmeze & Mostafa Kamal Mokhtar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Izani Mohd Zain. 2005. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari Di- Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nik Mustapha Nik Hassan. 2007. Pendekatan keadilan sosial dalam membangun negara. dalam: Khairul Azhar Idris (pnyt.) *Keadilan Sosial Dari Perspektif Islam*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

Rafli Sabirin. Mac 2008. *Majalah Milenia Muslim*. Kuala Lumpur: MMP Communications Sdn. Bhd.

Said Hawwa. 2003. *Rasulullah SAW*. Jakarta: Gema Insani Press.

Syed Othman Al-Habshi. 2007. Keadilan sosial dalam negara Islam silam dan hubungannya dengan Malaysia kini. dalam: Khairul Azhar Idris (pnyt.) *Keadilan Sosial Dari Perspektif Islam*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

Syed Qutb. 2005. *Ma'alim fi al-Tariq*, terj. Abu Mazaya al-Hafiz. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Yusuf Al-Qardhawy. 2010. *Ad-Din wa as-Siyasah: Ta'shiilun wa Raddu Shubuhah*, terj. Ibnu Sham. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.